

03 MAY 1996

Mahathir - KM Sabah

YONG TECK LEE KETUA MENTERI BARU SABAH

MELAKA, 3 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee akan dilantik Ketua Menteri Sabah yang baru secepat mungkin, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, perlantikan itu perlu dilakukan segera bagi mengisi kekosongan berikutan keputusan Datuk Salleh Said Keruak meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri Sabah.

Keputusan Salleh itu selaras dengan janji Barisan Nasional (BN) untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri Sabah di kalangan tiga kaum utama yang menyertai BN di negeri itu.

"Memangpun dia (Salleh) daripada awal sudah beri kepada saya surat (perletakan jawatan) yang tidak bertarikh dan terpulang kepada saya untuk buat tarikh yang mana-mana. Kita kena pilih Ketua Menteri yang baru secepat mungkin," katanya pada persidangan berita, di sini, sebagai mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Melaka.

Salleh, yang mengambil alih jawatan itu daripada Tan Sri Sakaran Dandai pada Disember 1994, mengumumkan perletakan jawatannya itu hari ini selepas pertemuan para pemimpin BN Sabah dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Kota Kinabalu.

Beliau bercakap pada persidangan berita sebelum mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Melaka.

Semasa pilihan raya negeri Sabah pada Februari 1994, BN berjanji untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri negeri itu di kalangan tiga kaum utama yang bersama-sama BN merampas kembali pemerintahan di Sabah daripada Parti Bersatu Sabah (PBS).

Selaras dengan janji itu, Umno melantik Sakaran sebagai Ketua Menteri tetapi digantikan oleh Salleh berikutan perlantikan Sakaran sebagai Yang Dipertua Negeri pada Disember tahun yang sama.

Bagaimanapun, menjelang tamatnya tempoh Salleh sebagai Ketua Menteri pada 17 Mac lepas, pelbagai pihak, terutama Umno, mahukan Salleh terus kekal tetapi Dr Mahathir berpendapat janji penggiliran itu hanya boleh dibatalkan jika mendapat persetujuan semua anggota komponen BN di negeri itu.

Perdana Menteri berkata, perlantikan Ketua Menteri Sabah yang baru itu terpaksa juga dilakukan kerana BN Sabah gagal mendapatkan persetujuan semua anggota komponennya berhubung cadangan supaya penggiliran dibatalkan.

Katanya, walaupun Umno Sabah mahukan cadangan penggiliran itu dibatalkan, parti-parti yang mewakili kaum Cina dan Bumiputera bukan Islam telah membantah.

Mengenai cadangan BN meminda beberapa akta bagi mengurangkan kuasa Ketua Menteri Sabah, beliau berkata, pindaan itu tetap akan diteruskan.

"Saya berpendapat pindaan perlu diteruskan juga supaya kita dapat menetapkan apa dia kuasa Ketua Menteri.

"Kita tak nak kerana (undang-undang) tidak begitu jelas maka ada sesuatu yang dibuat yang tidak mengikut dasar-dasar kerajaan," katanya.

Cadangan pindaan undang-undang itu sepatutnya dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri pada 25 dan 26 Mac lepas tetapi terpaksa ditangguhkan kepada 17 dan 18 Jun apabila ramai anggota Dewan meminta waktu untuk mengkaji cadangan itu.

Lima undang-undang itu ialah Enakmen Hutan 1968, Ordinan Tanah Bab 69, Ordinan Perlombongan 1960, Enakmen Yayasan Sabah 1966 dan Enakmen Perwakilan Kuasa 1963.

Sementara itu, Yong yang dihubungi melalui telefon di Kota Kinabalu berkata beliau belum diberitahu secara rasmi mengenai perlantikannya sebagai Ketua Menteri yang baru.

"Oleh itu saya tidak dapat memberi sebarang komen buat masa ini. Mungkin saya akan mengeluarkan kenyataan esok," kata Yong yang mengucapkan terima kasih kepada Bernama kerana menyampaikan berita itu kepadanya.

-- BERNAMA

AH MOZ AHH